



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN BELURAN**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

27 September 2018

Kenyataan Media YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen berhubung Prosiding Siasatan Semula Syarikat 1MDB (1Malaysia Development Berhad).

- 1) Sesuai dengan usul yang diluluskan Parlimen pada persidangan Dewan Rakyat, 16 Ogos lalu, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen telah bersidang serta mendapat taklimat daripada Ketua Audit Negara, Tan Sri Madinah Mohamad pada 30 Ogos dan 4 September lalu berhubung Laporan Pengauditan Syarikat 1MDB (1Malaysia Development Berhad).
- 2) Dalam taklimat itu, Ketua Audit Negara memberikan penerangan serta penjelasan berhubung pengauditan yang dijalankan Jabatan Audit Negara (JAN) terhadap syarikat 1MDB.
- 3) PAC Parlimen juga turut mendapatkan pandangan dan nasihat undang-undang daripada Jabatan Peguam Negara yang juga adalah wakil tetap (*ex officio*) dalam Jawatankuasa ini bagi memulakan semula siasatan syarikat 1MDB.
- 4) Sehubungan itu, semua ahli PAC Parlimen sudah mempunyai maklumat dan latar belakang mengenai syarikat 1MDB melalui taklimat pengauditan yang diberikan Ketua Audit Negara.
- 5) Pada 25 September lalu (Selasa), satu perbincangan khas diadakan PAC Parlimen mengenai siasatan semula syarikat 1MDB dan satu keputusan sebulat suara dicapai semua ahli Jawatankuasa ini dengan menetapkan tarikh 29 Oktober ini, untuk sebagai prosiding pertama syarikat 1MDB untuk memanggil Tan Sri Ambrin Buang, Mantan Ketua Audit Negara bagi memberikan keterangan di hadapan PAC Parlimen.

Tan Sri Ambrin Buang adalah mantan Ketua Audit Negara ketika JAN melaksanakan pengauditan syarikat 1MDB dan membentangkan laporannya pada Mac 2016 kepada PAC Parlimen penggal ke 13.
- 6) Jawatankuasa ini juga akan mendapatkan taklimat khusus daripada firma audit PricewaterhouseCoopers (PwC) yang dilantik Kementerian Kewangan sebagai perunding 1MDB pada 9 Oktober ini.

- 7) Taklimat daripada PwC ini amat penting kepada PAC Parlimen dalam memastikan Jawatankuasa ini mengetahui status terkini syarikat 1MDB terutama sekali berkaitan kedudukan kewangannya.
- 8) Selain itu, dalam perbincangan khas berkenaan PAC Parlimen juga menggariskan 10 Terma Rujukan (*terms of reference*) yang akan digunakan sebagai rujukan Jawatankuasa sepanjang prosiding Syarikat 1MDB berlangsung. Ia termasuk menggunakan dua laporan Jabatan Keadilan Amerika Syarikat yang diterbitkan pada 2016 dan 2017.
- 9) Selain menetapkan TOR baru untuk prosiding 1MDB, PAC Parlimen juga menyenaraikan 18 saksi yang berpotensi untuk dipanggil memberikan keterangan di hadapan Jawatankuasa ini, termasuk Mantan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak serta Low Taek Jho yang pernah bertugas sebagai Penasihat Khas Terengganu Investment Authority (TIA), sebelum ia ditukar nama kepada 1MDB, yang mana kedua-dua mereka pada sebelum ini, tidak dipanggil oleh PAC Parlimen penggal ke 13.
- 10) Keterangan daripada mereka amat penting dalam membantu Jawatankuasa ini melengkapkan siasatan secara komprehensif.

Sekian terima kasih.

Datuk Seri Dr Ronald Kiandee
Pengerusi PAC Parlimen.